

**NO. SOALAN: 540**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
[SIPITANG]**

**RUJUKAN : 9474**

**SOALAN:**

**Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [SIPITANG] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan cadangan mengkaji semula prosedur  
pengambilan pengawal keselamatan untuk memastikan mereka  
benar-benar layak berikutan banyak kes membabitkan pengawal  
keselamatan menggunakan dokumen pengenalan diri palsu.**

## **JAWAPAN:**

**Untuk makluman YB Sipitang, tiada keperluan buat masa ini untuk mengkaji semula prosedur pengambilan pengawal keselamatan memandangkan prosedur sedia ada adalah mencukupi. Di antara syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) di dalam prosedur pengambilan pengawal keselamatan oleh mana-mana syarikat kawalan keselamatan yang berlesen di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 adalah seperti berikut:**

- (a) Pengawal keselamatan wajib LULUS tapisan keselamatan yang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan**
- (b) Syarikat kawalan keselamatan wajib membuat pengesahan kad pengenalan (Mykad) calon pengawal keselamatan secara biometrik di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sebelum calon diambil bekerja sebagai pengawal keselamatan. Syarikat kawalan keselamatan wajib membawa calon pengawal keselamatan untuk tampil secara fizikal di mana-mana pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk membuat semakan Mykad secara biometrik.**

**Mana-mana syarikat kawalan keselamatan yang didapati menggaji pengawal keselamatan yang gagal tapisan**

**keselamatan dan memiliki atau menggunakan dokumen pengenalan diri palsu serta milik orang lain boleh dikenakan tindakan pembatalan lesen di bawah seksyen 4 (1) Akta Agensi Persendirian 1971.**